

Abdul Khalid MB terbaik: Khusrin

Sinar 23/9/14 MSS

■ NURUL AINI MOHAMED ALI

SHAH ALAM - Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor, Datuk Mohamed Khusrin Munawi menyifatkan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai menteri besar Selangor yang terbaik sepanjang perkhidmatan beliau bersama dengan Kerajaan Negeri Selangor.

Paling membanggakan, katanya, Abdul Khalid meninggalkan legasi tersendiri apabila berjaya memeterai penstrukturan air bersama Kerajaan Pusat.

Beliau berkata, pihaknya juga sudah bersiap sedia untuk menerima kedatangan menteri besar baharu yang menggantikan Abdul Khalid.

"Walau siapa pun yang bakal gantikan Abdul Khalid esok (hari ini), kita terima saja. Malahan, kita juga sedia memberi kerjasama dan perkhidmatan cemerlang bersama menteri besar baharu dan kepada Kerajaan Negeri Selangor," katanya, semalam.

Khusrin menambah, perkhidmatan Abdul Khalid yang cemerlang juga membuatkan rakyat Negeri Selangor berat untuk melepaskan menteri besar kesayangan ramai itu.

"Kejayaan terbesar beliau ialah beliau berjaya memuktamadkan penstrukturan semula industri bekalan air air Selangor dengan Kerajaan Pusat, ini adalah kejayaan beliau yang terbesar dan hak rakyat sudah dapat dikembalikan.

"Ini antara kejayaan beliau yang kita sebagai rakyat Selangor perlu banggakan sepanjang beliau menjadi Menteri Besar Selangor," katanya.

Menurutnya, perkhidmatan Abdul Khalid yang telus, jujur dan amanah juga membuatkan kakitangan kerajaan negeri menghormati beliau.

"Sepanjang saya bekerja dengan beliau pun, secara peribadinya saya boleh beritahu yang Abdul Khalid memang telus terutama membabitkan hal kewangan kerajaan negeri. Setiap sen duit yang dikeluarkan dia mesti ambil tahu.

"Walau ramai menggelarnya kedekut, tetapi sifat itu yang memang kita perlukan, beliau tahu bagaimana untuk mengurus wang nege-



Abdul Khalid melambai tangan kepada media pada hari terakhir sebagai Menteri Besar Selangor, semalam. Turut hadir Mohamed Khusrin (kanan) dan Exco Selangor.